



Program PSS 'Makeover' di PSS Luqman Al-Hakim SMK Pangkal Meleret



Posted on **October 3, 2022**

by **Perpustakaan Tengku Anis UiTM Kelantan Kampus Machang**



Program PSS Makeover merupakan salah satu aktiviti yang dianjurkan oleh **Perpustakaan Tengku Anis (PTA)** di bawah program **Skill-up the languages: Read2Lead** sempena Minggu Bahasa SMK Pangkal Meleret. Aktiviti ini berlangsung selama 3 hari bermula pada **26 hingga 28 September 2022** bertempat di **Pusat Sumber Sekolah (PSS) Luqman Al-Hakim SMK Pangkal Meleret**.

Aktiviti 'makeover' dilakukan oleh beberapa orang staf PTA dan dibantu oleh empat orang pelajar latihan industri. Antara kerja-kerja 'makeover' yang dilakukan adalah penyusunan semula buku-buku di atas rak mengikut klasifikasi DDC, menyusun atur kerusi dan meja, mengemas ruangan yang berselerak serta menceriakan lagi ruang PSS dengan dekorasi.



Gambar sebelum kerja-kerja 'makeover' dilakukan





Gambar sepanjang kerja-kerja 'makeover' dilakukan





Gambar selepas 'makeover' selesai

Semoga dengan 'makeover' yang dilakukan ini dapat menarik minat murid untuk berkunjung ke pusat sumber dan membaca dalam keadaan yang selesa dan ceria.

Disediakan oleh : Sazlina Saleh, Pembantu Pustakawan PTA UiTM Cawangan Kelantan

POSTED UNDER KAMPUS MACHANG, UITM KELANTAN KOMUNITI PROGRAM CSR USAHASAMA
CSR MAKEOVER PUSAT SUMBER SEKOLAH SDG17 SDG4



Bengkel 'Research and Library Skill for Junior Lecturers'

Kursus Kepimpinan Pengawas Pusat Sumber Sekolah (PSS) SMK Pangkal Meleret



Perpustakaan Tengku Anis UiTM Kelantan Kampus Machang

